

UMK memanfaatkan AI dalam transformasi digital

Bachok: Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merancang untuk memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan tinggi secara menyeluruh tanpa mengorbankan nilai kemanusiaan dan etika, selari dengan agenda transformasi digital universiti bagi tempoh lima tahun akan datang.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Arham Abdullah, berkata setiap program pengajian yang ditawarkan universiti itu mula mengintegrasikan input berkaitan AI dalam kurikulum pengajaran serta pembelajaran sejak tahun lalu, dan pelaksanaannya akan diteruskan secara berperingkat.

Beliau berkata, pendekatan itu bertujuan memastikan pelajar bukan sahaja celik teknologi, malah mampu menggunakan AI secara beretika dan bertanggungjawab dalam bidang masing-masing.

“Bagi memastikan aspek etika terus terpelihara, UMK sudah mewujudkan garis panduan dan kerangka etika penggunaan teknologi digital sejak 2020, termasuk penggunaan aplikasi seperti ChatGPT dalam proses pembelajaran,” katanya dalam sidang media selepas majlis pelancaran Pelan Strategik UMK 2026-2030 (UMK30) di UMK Kampus Bachok, baru-baru ini.

Mengulas kesiapsiagaan tenaga pengajar dan infrastruktur, beliau berkata UMK sudah melantik pegawai khusus bagi menerajui pelaksanaan transformasi digital universiti secara lebih agresif dan tersusun.

Selain itu, katanya kepimpinan perpustakaan turut dibabitkan secara langsung bagi memastikan proses pendigitalan universiti dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu. BERNAMA



Dr Arham Abdullah